

**Article Info:**

Published Date: 18 August 2022

\*Corresponding Author: azian572@uitm.edu.my

## **LUKISAN MURAL SEBAGAI WADAH HEBAHAN MAKLUMAT SEJARAH DI BANDAR WARISAN BATU GAJAH**

*Mural Painting as a Platform for Historical Information in Batu Gajah Heritage Town*

Hairulnisak Merman<sup>1,\*</sup>, Azian Tahir<sup>2</sup>, Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin<sup>3</sup>, Muhammad Salehuddin Zakaria<sup>4</sup>, Mohd Nafis Saad<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>

Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Seri Iskandar, Kampus Perak, MALAYSIA

**To cite this article (APA):** Merman, H., Tahir, A., Mohd Aripin, N. A. N., Zakaria, M. S., & Saad, M. N. (2022). Mural Painting as a Platform for Historical Information in Batu Gajah Heritage Town. *KUPAS SENI*, 10, 80-92. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.2.8.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.2.8.2022>

### **ABSTRAK**

Seni lukis jalanan yang dikenali dengan lukisan mural biasanya terhasil bagi tujuan memperindah dinding di lorong-lorong kosong dan jalan awam. Lukisan mural pada dasarnya bertujuan untuk mengisi kekosongan serta memberi nilai tambah kepada estetik sekitar dan juga turut menjadi satu wadah hebahany maklumat mengenai sebuah sejarah dan penceritaan. Sebagai contoh lukisan mural di bandar Batu Gajah yang lokasinya merupakan sebuah kawasan terbuka dan dijadikan tempat letak kereta, dikelilingi bangunan-bangunan lama yang keadaan dindinya terlihat usang dan lusuh. Objektif kajian ini adalah untuk menvisualkan idea rekaan yang digunakan dalam menyampaikan maklumat sejarah penubuhan awal di bandar warisan Batu Gajah. Melihat keadaan generasi muda kini yang lebih cenderung ke arah aktiviti berunsur gadget yang bersifat elektronik dan mengurangi aktiviti luar yang bersifat fizikal. Sekaligus mengurangi pengetahuan mereka akan sejarah awal penubuhan bandar warisan tersebut. Kaedah kajian yang digunakan dalam penelitian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji memperoleh maklumat melalui kaedah primer data seperti temu bual dan pemerhatian serta menggunakan kaedah sekunder yang diperolehi dari sumber data seperti buku, jurnal, keratan akhbar, majalah dan laman sesawang. Hasil kajian menunjukkan bahawa lukisan mural bukan hanya sekadar menjadi penghias dinding yang menutupi cacat cela semata, malahan ia juga merupakan salah satu media dalam penyebaran informasi sejarah pentadbiran bandar Batu Gajah. Lukisan mural ini diharap mampu menyampaikan maklumat sejarah tepat pada sasaran terutama generasi muda agar berkeupayaan untuk menilai lukisan mural serta menambah nilai secara estetik. Bukan itu sahaja, bahkan dapat meningkatkan daya tarikan masyarakat setempat dalam memanfaatkan sebaiknya fasiliti awam yang telah disediakan.

**Kata kunci:** Lukisan mural, penyebaran informasi, Daerah Batu Gajah.

### **ABSTRACT**

*Street paintings known for mural paintings are usually produced for the purpose of beautifying walls in empty alleys and public roads. The mural painting is basically intended to fill the void as well as add value to the surrounding aesthetics and also to be a platform for information on history and storytelling. For example, a mural painting in the town of Batu Gajah, which is an open area and is used as a car park, surrounded by old buildings whose condition looks dilapidated and shabby. The objective of this study is to visualize the design*

*ideas used in conveying the historical information of the early establishment in the heritage town of Batu Gajah. Looking at the current situation of the younger generation which is more inclined towards gadget activities that are electronic in nature and reduce physical outdoor activities. At once reduced their knowledge of the early history of the founding of the heritage city. The method of study used in this study was to use a qualitative method. Researchers obtain information through primary data methods such as interviews and observations and use secondary methods derived from data sources such as books, journals, newspapers, magazines and websites. The results show that the mural painting is not only a wall decorator that covers the blemishes, but also one of the media in disseminating information on the history of the administration of Batu Gajah. The mural is expected to convey accurate historical information to the target, especially the younger generation, to be able to evaluate mural paintings and add aesthetic value. Not only that, but also to increase the attractiveness of the local community in making the most of the public facilities provided.*


**Keywords:** Mural painting, dissemination of information, Batu Gajah District

## PENGENALAN

Lukisan mural ini bertitik tolak dari kajian visual sejarah bagi menghasilkan lukisan mural dengan kerjasama di antara Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dan Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. Ia dirangka bagi menyampaikan wadah maklumat sejarah dan inspirasi pembangunan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) kepada masyarakat umum. Lukisan mural ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan matlamat pihak majlis kepada masyarakat dengan menggunakan visual sebagai elemen penting bagi menyampaikan sejarah dan inspirasi dasar dan perancangan pihak pentadbiran dengan tema-tema yang dirancang. Selain itu, juga bertujuan untuk mengindahkan serta mencantikkan dinding bangunan-bangunan di sekitar bandar Batu Gajah dengan seni lukisan mural. Misi penghasilan lukisan mural ini adalah untuk menghimpun data-data visual berkaitan penubuhan bandar Batu Gajah sebagai pusat pentadbiran berdasarkan sejarah pertumbuhannya yang bermula dari *Sanitary Board 1979* iaitu Majlis Daerah Kinta Barat dan hingga kini Majlis Daerah Batu Gajah. Dengan menggabungkan data-data visual berdasarkan fakta sejarah dan menterjemahkannya dalam pembentukan lukisan mural yang mempunyai konsep kekitaan. Lukisan mural ini dihasilkan dengan sentuhan kreatif oleh pakar lukisan mural yang dilantik khas daripada Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar yang terdiri daripada pensyarah, pelajar dan juga alumni Jabatan Seni Halus. Gerak kerja penghasilan lukisan mural ini mengambil masa selama tujuh hari bermula pada 28 Februari 2022 sehingga 7 Mac 2022. Sepanjang penghasilan lukisan mural ini, mereka terpaksa melalui cabaran yang sukar oleh kerana cuaca yang tidak menentu. Walaubagaimanapun, lukisan mural sebanyak empat dinding ini dapat diselesaikan mengikut perancangan dengan jayanya.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, pendekatan penyelidikan telah dirancang terlebih dahulu bagi memastikan perjalanan kajian bergerak secara sistematis. Pengkaji memilih kaedah penyelidikan kualitatif dalam bentuk pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen (Patton, 1990). Kaedah pemerhatian merangkumi huraian terperinci tentang situasi, kejadian interaksi dan tingkah laku yang diamati pengkaji sewaktu di lapangan. Kemudian diteruskan dengan kedah temu bual menerusi kutipan data langsung daripada pernyataan orang awam tentang pengalaman, sikap, pemikiran dan juga maklumbalas terhadap penghasilan lukisan mural ini. Akhir sekali kaedah analisis dokumentasi yang diperoleh daripada sumber data seperti buku, jurnal, keratan akhbar, majalah dan laman sesawang. Setiap data yang dikumpul terdiri daripada imej, transkrip temu bual, video, penerangan dan kertas peribadi. Latar belakang sejarah, agama, budaya, kepercayaan, kesukaran sosial, pemikiran dan perasaan disiasat untuk menjelaskan cabaran kajian (Creswell, 2009).



**Rajah 1:** Rekabentuk penyelidikan mengenai lukisan mural sebagai wadah hebahana maklumat sejarah di bandar warisan Batu Gajah


## DAPATAN KAJIAN

### Mural

Sejarah mencatatkan bahawa mural sudah ada sejak zaman prasejarah lagi, iaitu lebih kurang 30,000 tahun yang lampau. Orang-orang Zaman Batu mula melukis dan melakar di tembok gua batu di mana tempat mereka tinggal dan berlindung. Antara lukisan tembok gua yang dijumpai adalah di Gua *Lascaux* di selatan

Perancis yang dijumpai secara tidak sengaja pada 12 September 1940. Difahamkan lakaran yang dapat dikesan di tembok gua batu itu adalah imej-imej binatang seperti lembu, seladang dan kuda (Wahiza, 2011). Pada saat itu lukisan yang berhasil di tembok gua batu digunakan sebagai tanda bahawa sudah ada manusia yang telah menghuni dan melangsungkan kehidupan di gua tersebut. Sementara sejarah di Malaysia sendiri juga tercatat bahawa pada era 40,000 sebelum masih didapati lukisan-lukisan gua dikesan dan ditemui di Gua Niah, Sarawak dan di Gua Cha, Kelantan. Bahkan pada tahun 1959 juga turut ditemui lukisan gua di Gua Tambun Perak yang menggambarkan imej manusia, binatang dan juga lakaran berbentuk abstrak (Syed Shmad Jamal, 2007).

**Sumber:** Buku *Craft and The Visual Arts*



**Rajah 2:** Lukisan gua di Gua Tambun, Perak.

Menurut Hossein Meiboudi et al., (2011) mural merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Latin ‘*Murus*’ yang memberi maksud dinding. Mural merupakan satu lukisan besar yang memenuhi ruang bangunan atau ruang-ruang dinding. Lukisan mural ini pada umumnya ditampilkan dalam bentuk dua dimensi dalam skala yang besar pada ruang dinding di bangunan awam yang biasanya bertemakan kepelbagaiannya idea atau penyampaian isu tertentu. Malah ia merupakan salah satu bentuk seni rupa pemberi maksud atau nasihat yang terkandung di dalamnya untuk diperlihatkan kepada khalayak umum. Dapat dilihat hingga kini kegiatan penghasilan lukisan-lukisan di dinding seperti ini masih lagi berlangsung. Selain itu, lukisan mural juga adalah bersifat demokratik atau bebas. Ia adalah sebuah seni yang boleh diakses oleh semua orang yang datang. Memaparkan penceritaan secara langsung berkaitan peristiwa dan pengalaman semasa atau lepas dengan tujuan untuk memberikan inspirasi dan visi untuk masa akan datang (Schneller dan Irizarry, 2014). Ini menunjukkan bahawa lukisan mural yang semakin berkembang ini merupakan sesuatu yang bernilai untuk tatapan dan juga pengajaran kepada khalayak umum. Tambahan Hazrin (2020), lukisan mural juga merupakan satu bentuk seni visual yang kini semakin popular, berskala bandar dan bertujuan untuk menyampaikan info atau mesej dalam bentuk grafik dan juga sebagai pengindah lokasi sekitar. Manakala Heinsohn (2015) pula berpendapat bahawa lukisan mural juga boleh dirujuk sebagai seni graffiti. Ia merupakan platform yang sangat berguna kepada golongan muda untuk berinteraksi serta mengekspresikan kreativiti dan bakat yang ada pada mereka. Namun, masih ramai yang belum memahami perbezaan antara lukisan mural dan juga seni graffiti. Hakikatnya lukisan mural lebih banyak menerapkan penggunaan gambar visual, manakala seni graffiti lebih menjurus kepada permainan tulisan (Kadek Risma et al., 2021). Diperjelaskan lagi bahawa seni graffiti adalah satu kegiatan seni yang menuliskan ungkapan tertentu di dinding dengan menekankan penggunaan elemen dalam rekaan termasuklah komposisi warna, garis, bentuk dan volume.

## Lukisan Mural Sebagai Wadah Hebahan

Ditinjau daripada perkembangannya, lukisan mural tidak hanya sebagai sebuah karya seni yang memiliki fungsi bagi memenuhi hasrat estetik, bahkan juga memiliki fungsi sebagai wadah hebahan bagi menyampaikan pesan kritikan sosial, budaya, semangat patriotik, pergelakkan politik, ideologi bahkan sebagai media mempromosikan produk dan jenama tertentu (Ryan et al., 2019). Terbukti di George Town, Pulau Pinang apabila lukisan mural digunakan sebagai media kenangan bagi memperingati lagenda bola sepak negara yang berasal dari Pulau Pinang. Dari satu sudut terlihat potret Allahyarham Datuk Namat Abdullah, Allahyarham Ali Bakar, Pang Siang Hock, Datuk Abdul Shukor Saleh, Datuk M. Kuppan dan Mohd. Faiz Subri melengkapkan lukisan mural di Stadium Bandaraya Pulau Pinang. Lukisan mural ini bertujuan untuk memberi penghormatan kepada pemain bola sepak negara yang menjadi kebanggaan masyarakat Malaysia terutama sekali di negeri Pulau Pinang (Abdul Hafiz Ahmad, 2020). Selain itu, mural juga dijadikan salah satu media sebagai wadah menyampaikan maklumbalas yang digunakan masyarakat bagi menyampaikan aspirasinya dalam memerangi wabak Covid-19 yang telah mengejutkan dunia sekitar Disember 2019 yang lalu. Sebagai contoh lukisan mural di Langkawi Geopark Discovery Centre, Kilim yang telah dihasilkan oleh tiga pelukis tempatan iaitu Fatah (FTH), Amir (Amer01) dan Yus (FoxG). Dengan kerjasama Balai Seni Negara Cawangan Langkawi yang bertindak membayai projek lukisan mural berskala besar ini telah berjaya disiapkan kurang dari sepuluh hari. Tema yang diangkat lukisan mural ini adalah untuk meraikan petugas barisan hadapan sebagai benteng utama dalam mengawal penularan wabak (Hazrin, 2020). Lukisan mural ini juga secara tidak langsung merupakan karya seni awam yang pertama di Pulau Langkawi sebagai respon terhadap kesedaran pendamik Covid-19.

**Sumber:** Bernama



**Rajah 3:** Lukisan mural gergasi, dedikasi buat wira negara.

Lukisan mural ini juga bukan sekadar untuk memberikan kepuasan kepada si pelukis dan juga organisasi yang terlibat, malahan ia juga turut memberikan impak kepada masyarakat setempat terutamanya kepada petugas barisan hadapan yang dianggap sebagai wira negara. Menerusi lukisan mural hasil kerjasama Balai Seni Negara bersama dua orang pelukis tempatan iaitu Abdul Rashade Abdul Rahman dan Dhiyaul Mohamad Asraf Dawari ini, telah menvisaulkan rakaman aktiviti pelbagai agensi barisan hadapan menangani wabak Covid-19 dibawah kepimpinan YAB Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Pengarah KKM, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah. Merujuk Khazrul (2020) dengan terpampang klausa “*we are strong together*” ini menjadi pembakar semangat warga Klinik Kesihatan

Kulala Lumpur untuk terus berkhidmat, menabur bakti dan berjuang semampunya bagi mengawal pendamik Covid-19 serta cabaran mendatang yang lain. Seterusnya, melihat kepada fungsi lukisan mural ini juga adalah untuk menvisualkan imej-imej yang berunsurkan warisan serta sejarah kawasan setempat. Sebagai contoh lukisan mural di George Town, Pulau Pinang yang juga merupakan bandar warisan dunia UNESCO ini memaparkan gambaran imej-imej makanan, aktiviti dan kehidupan lampau penduduk tempatan Pulau Pinang. Penciptaan lukisan mural ini terlihat merebak di sekitar jalan kecil dan lorong warisan sepanjang bandar George Town dan menjadi daya tarikan pelancong yang datang ke Pulau Pinang. Bahkan lukisan mural ini juga membantu dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat setempat terhadap pengetahuan bandar yang penuh bersejarah itu (Seyedehelham et al., 2015).

### **Batu Gajah**

Batu Gajah adalah salah sebuah daerah yang terdapat di Negeri Perak yang digelar “Batu Gajah Bandar Bertuah”. Bandar bertuah ini adalah tempat keputeraanya DYMM Sultan Perak, Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Inbi Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah Ghafarullah-Lah iaitu seorang Sultan yang berkaliber dan pernah menjadi Ketua Hakim Negara yang ke-9. Baginda juga merupakan Tokoh Batu Gajah yang pertama yang dipaparkan di dalam buku Tokoh-tokoh Batu Gajah, Perak (Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah, 2021).

Terdapat beberapa versi terhadap pengenalan nama Batu Gajah ini. Pertama, apabila bijih timah mula dijumpai di Batu Gajah, ramai pedagang asing dari Sumatera datang melalui Sungai Kinta untuk berdagang timah. Kesemua pedangan yang datang adalah penganut agama Buddha yang menyembah berhala. Oleh kerana tempat tersebut belum bernama, maka mereka telah mengukir dua batu besar di tebing Sungai Kinta menyerupai bentuk dua ekor gajah. Kemudiannya, batu itu telah diletakkan di tebing Sungai Kinta bagi tujuan memudahkan mereka mengenali tempat tersebut dan berkemungkinan sebagai tempat penyembahan (Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah, 2021). Versi kedua pula, menurut orang-orang tua pada zaman dahulu terdapat sejenis makhluk bernama “Sang Kelembai” dan ada juga yang memanggil “Gelembai” atau “Gedembai”. Makhluk ini dikatakan mempunyai kuasa untuk mengubah benda-benda hidup menjadi batu apabila ia menegurnya. Pada waktu itu, daerah ini diliputi hutan tebal tempat gajah-gajah liar merayau dengan bebas. Suatu hari, dua ekor gajah yang sedang menyeberangi Sungai Kinta telah ditegur oleh “Sang Kelembai” lalu menjadi batu. Batu berbentuk dua ekor gajah itu masih terdapat di Sungai Kinta berhampiran Kampung Pisang, tetapi ia hampir hilang akibat hakisan dan kegiatan perlombongan. Walubagaimanapun, kisah legenda ini tidak pernah disahkan benar mahupun sebaliknya (Jasbindar, 2019). Akhir sekali versi ketiga, ia berkaitan dengan kegiatan perlombongan bijih timah. Pada peringkat awal, perlombongan bijih dikuasai oleh orang Melayu temapatan. Semasa kerja melombong dijalankan, mereka telah menemui banyak batu-batu yang besar dan keras menyerupai kepala gajah. Pelombong-pelombong kemudiannya menamakan kawasan yang mempunyai batu-batu itu dengan nama ‘Batu Gajah’ yang memberi maksud batu-batu yang besar (Portal Rasmi Majlis daerah Batu Gajah, 2022).

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

### **Rekaan Mural Bertemakan “Inspirasi Matlamat Pembangunan Mampan”**

Budaya melestari alam sekitar amat diperlukan dan perlu dipupuk dalam masyarakat masa kini khususnya dalam kalangan kanak-kanak agar generasi akan datang dapat merasai kehidupan yang aman dengan persekitaran yang bersih dan harmoni. Ia merupakan satu proses pendedahan dan pendidikan awal dalam usaha pemuliharaan alam sekitar yang berterusan. Kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar ini telah lama disedari oleh pengkaji terdahulu bermula tahun 1798 melalui Teori Kependudukan Malthusian (Malthus, 1798). Pelbagai program usaha sama global telah dilaksanakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mencapai misi kelestarian demi manfaat generasi semasa dan akan datang, antaranya

Matlamat Pembangunan Milenium (MDG). Konsep tersebut menyasarkan lapan matlamat kemampanan yang akan dicapai dalam tempoh lima belas tahun dari tahun 2000 hingga 2015. Sementara itu, program Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) anjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berusaha untuk mencapai 17 matlamat kelestarian dari 2015 hingga 2030. Sasaran ini telah telah dipersetujui oleh kebanyakan negara, termasuk Malaysia (PBB, 2016).

**Sumber:** Laporan Program Mural Geran Penyelidikan Antara Majlis Daerah Batu Gajah & Jabatan Seni Halus, KPSK UiTM Cawangan Perak (2021)



**Rajah 4:** Rekaan mural bertemakan “Inspirasi Matlamat Pembangunan Mampan”

Rekaan Mural yang bertemakan *Sustainable Development Goals* (SDG) ini menjadi inspirasi rekaan disalah satu dinding bandar batu Gajah. Pelaksanaan dalam menghasilkan lukisan mural ini telah di ketuai oleh En Mohd Nafis Bin Saad yang merupakan seorang pensyarah Jabatan Seni Halus, dibantu oleh lima orang pelajar Sarjana Muda Seni Halus dan seorang pakar yang dilantik khas dari industri. Pakar yang dilantik juga merupakan alumni Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif. Rekaan ini jelas memaparkan 17 Matlamat Pembanguan Lestari (SDG) dengan menggunakan warna, simbol dan teks yang pelbagai bertujuan untuk memudahkan serta menarik pandangan orang awam untuk melihat dan menghayati sekaligus memahami setiap matlamat yang ingin dicapai. Pembangunan lestari ini tidak hanya menumpukan aspek alam sekitar, sebaliknya mengambil kira faktor seperti sosial dan pertumbuhan ekonomi bagi memastikan agenda pembangunan membentuk secara menyeluruh. Sebahagi contoh usaha dalam pembasmian kemiskinan (SDG1), mengakses kepada tenaga yang bersih (SDG7), penggunaan sumber secara bertanggungjawab (SDG12) dan juga perubahan iklim iaitu (SDG13). Oleh itu wajarlah pihak Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Batu Gajah dalam memainkan peranan menerapkan pendidikan pembangunan lestari di kalangan warga universiti dan juga masyarakat sekitar.

## Rekaan Mural Bertemakan “Sejarah Perindustrian Bijih Timah”

**Sumber:** Laporan Program Mural Geran Penyelidikan Antara Majlis Daerah Batu Gajah & Jabatan Seni Halus, KPSK UiTM Cawangan Perak (2021)



**Rajah 5:** Rekaan mural bertemakan “Sejarah Perindustrian Bijih Timah”

Aktiviti perlombongan biji timah merupakan salah satu industri yang tertua di Malaysia. Malahan kegiatan ini juga pernah menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara pada suatu ketika dahulu. Sebahagian besar hasil bijih timah negara adalah datang dari negeri Perak. Sejarah perlombongan biji timah di negeri Perak telah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu lagi. Antara lokasi penghasilan biji timah yang utama ketika itu adalah biji timah dari Beruas, Manjung dan juga Tanjung Tualang yang seterusnya dipasarkan di Pelabuhan Melaka. Perkara ini juga turut dibuktikan oleh sejarawan Portugis Bernama Godinho de Eredia pada tahun 1597 hingga 1600 (Nor Hisham, 2017). Lukisan mural yang bertemakan “Sejarah Perindustrian Bijih Timah” ini diketuai oleh Encik Fadly Bin Sabran dan Cik Rosmidhanim Binti Razali yang juga merupakan pensyarah Jabatan Seni Halus. Mereka dibantu oleh lima orang pelajar Sarjana Muda Seni Halus, tiga orang pelajar praktikal Galeri Al-Birunni Universiti Teknologi MARA cawangan Perak dan juga seorang pakar yang juga merupakan alumni Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif. Dalam lukisan mural ini, pelukis bijak menyusun-atur komposisi yang memperlihatkan sekumpulan masyarakat sedang menjalankan aktiviti perlombongan serta memaparkan papan tanda “*Tanjung Tualang Tin Dredge*” yang merupakan salah satu tempat utama perlombongan bijih timah. Bahkan rekaan lukisan mural ini juga turut menggambarkan perkembangan teknologi masyarakat ketika itu dengan menggunakan kapal korek sebagai jentera utama bagi memudahkan proses penggalian.

**Sumber:** Gambar oleh Salehuddin Zakaria



**Rajah 6:** Kapal Korek yang dikenali sebagai TT5 di Tanjung Tualang, Perak

‘TT5’ adalah gelaran atau nama bagi kapal korek terakhir yang masih lagi terdapat di Malaysia. Kapal korek yang tersergam indah ini terletak di Jalan Tanjung Tualang, tidak jauh dari bandar Batu Gajah. Gelaran ‘TT’ ini merujuk kepada tempat dimana kapal korek itu berada iaitu di Tanjung Tualang, manakala angka ‘5’ pula menandakan ia adalah kapal korek yang kelima berada disana. Melihat kepada size kapal korek ini, terbukti bahawa TT5 adalah antara jentera yang sangat penting dalam proses penggalian ketika itu, walaubagaimanapun, operasi penggalian ini terpaksa diberhentikan pada tahun 1982 berikutan kejatuhan harga komoditi bijih timah. TT5 ini menjadi warisan sejarah negeri Perak yang di gelar “*The Last Dredge*” dan kini dalam proses pemuliharaan semula. Jadi, tidak hairanlah pelukis menggunakan imej kapal korek di Tanjung Tualang ini sebagai subjek utama dalam rekaan lukisan mural bagi tujuan penyebaran informasi terhadap sejarah perindustrian bijih timah di Malaysia.

### **Rekaan Mural Bertemakan “Sejarah Penubuhan Batu Gajah”**

Sejarah mengatakan bahawa daerah Batu Gajah mempunyai penduduk yang berbilang kaum iaitu Melayu yang terdiri daripada suku kaum seperti Madailing, Rawa, Talu, Acheh dan Jawa. Seterusnya terdapat juga penduduk lain yang terdiri daripada kaum Cina, India, Ceylon, Punjabi, Parsi dan Arab. Oleh itu, tidak hairanlah jika penduduk Batu Gajah dapat memahami dan menyesuaikan diri dengan corak hidup pelbagai kaum sehingga dapat melahirkan suasana kehidupan yang aman damai. Merujuk Muhammed (2017), penempatan di Batu Gajah dicatatkan bermula di sebuah kampung yang dikenali sebagai kampung Sungai Terap dan diasaskan oleh Toh Panjang Bongkok. Selepas kematian Toh Panjang Bongkok, Toh Amar Diraja Pandak telah mengambil alih sebagai tugas pembesar dan kemudiannya diteruskan pula oleh Toh Amar Diraja Naam. Sejak 1880-an lagi, Batu Gajah merupakan tempat pertemuan pembesar-pembesar Tanah Melayu pada masa itu. Terdapat sebuah Gelanggang Perlumbaan Kuda yang merupakan tempat utama oleh pembesar-pembesar Tanah Melayu berkunjung bagi tujuan menjalankan aktiviti perlumbaan kuda. Kuda-kuda ini biasanya didatangi dari negeri Pahang dan negeri Johor untuk berlumba di sana. Tempat ini juga menjadi tempat perjumpaan dan riadah bagi pegawai kerajaan dan pembesar-pembesar negeri. Bukan itu sahaja, bahkan Batu Gajah juga terkenal dengan sebuah perkampungan besar yang terdapat di tepi Sungai Kinta. Kenyataan ini telah di akui oleh J.W.W. Birch, Resident British Pertama di Perak yang ditulis di dalam diari miliknya (Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah, 2021).

**Sumber:** Laporan Program Mural Geran Penyelidikan Antara Majlis Daerah Batu Gajah & Jabatan Seni Halus, KPSK UiTM Cawangan Perak (2021)




**Rajah 6:** Rekaan mural “Sejarah Penubuhan Batu Gajah”

Rekaan lukisan mural seterusnya adalah mengambil tema sebuah perkampungan yang terdapat di perairan Sungai Kinta yang menjadi salah satu tempat utama dalam penubuhan bandar Batu Gajah. Lukisan mural ini merakam aktiviti penduduk setempat menjalani kehidupan sehari-hari mereka di sepanjang sungai. Merujuk kepada sejarah pembukaan Ipoh pada tahun 1890, Sungai Kinta adalah satu-satunya laluan perhubungan Ipoh dengan kawasan lain di negeri Perak. Peranan penting Sungai Kinta adalah untuk membawa barang perdangan seperti makanan dan juga keperluan penduduk yang dibawa menggunakan sampan menyusuri Sungai Kinta (Nazri, 2000). Lukisan Mural ini telah berjaya dihasilkan oleh Encik Hilal Bin Mazlan dan juga Encik Muhammad Amin Bin Hashim Amir pensyarah Jabatan Seni Halus. Mereka turut dibantu oleh enam orang pelajar Sarjana Muda Seni Halus dan dua orang pakar yang dilantik khas dari industri.

#### **Rekaan Mural Bertemakan “Sejarah Pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah”**

Pusat pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah terletak di Bandar Batu Gajah dan mempunyai tiga buah pejabat cawangan iaitu di Pekan Pusing, Pekan Tronoh dan Pekan Tanjung Tualang. Asalnya, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) ini dikenali dengan nama Majlis Daerah Kinta Barat (MBKB) sebelum ditukar pada 26 Mac 2009. Ianya telah ditubuhkan pada 1 September 1979 di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1967 yang bertanggungjawab di dalam perancangan dan pembangunan kawasan pentadbirannya bagi mewujudkan dan melahirkan corak kehidupan masyarakat yang sejahtera, berbudaya dan berilmu (Portal Rasmi Majlis daerah Batu Gajah, 2022).

**Sumber:** Laporan Program Mural Geran Penyelidikan Antara Majlis Daerah Batu Gajah &



Rajah 7: Rekaan mural bertemakan “Sejarah Pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah”

Lukisan mural yang bertemakan “Sejarah Pentadbiran Daerah Batu Gajah” ini adalah rekaan yang dibuat khas untuk memperlihatkan garis masa tentang perubahan bangunan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah yang telah melalui proses modernisasi dari awal penubuhannya pada tahun 1979 sehingga kini. Imej bagunan pentadbiran yang baru menjadi visual utama di dalam rekaan mural, sekaligus memberikan gambaran bahawa pembangunan pentadbiran di Batu Gajah telah giat berkembang. Terlihat juga klausu “Moh le ke Batu Gajah” yang merupakan bahasa pasar bagi masyarakat di Perak dengan tujuan menguaruarkan dan mengajak orang awam untuk datang melawat serta melihat bandar Batu Gajah. Lukisan mural ini dijayakan oleh pensyarah Jabatan Seni Halus yang diketuai oleh Puan Humaini Binti Said Ahmad, dibantu oleh Encik Mohd Fawazie Bin Arsyad dan juga Encik Salehuddin Bin Zakaria. Manakala pelajar yang terlibat adalah pelajar Sarjana Muda Seni Halus seramai lapan orang, dan juga turut dibantu oleh seorang pakar yang dilantik dari industri. Menurut pengamatan pengkaji, lukisan mural ini adalah antara lukisan yang sukar untuk disiapkan dan terpaksa mengambil masa yang agak lama berbanding lukisan-lukisan mural yang lain, atas faktor size bangunan yang tinggi dan juga cuaca yang tidak menentu. Walaubagaimanapun, lukisan mural ini dapat disiapkan dalam masa yang ditentukan.

## KESIMPULAN

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa dengan adanya lukisan mural di bandar Batu Gajah ini, ia dapat memperluas ilmu pengetahuan orang awam serta pengunjung yang datang bagi memperoleh maklumat berkaitan sejarah penubuhan Bandar Batu Gajah sebagai pusat Pentadbiran Daerah Kinta. Lukisan mural ini bukan sahaja membantu dalam memperindah dinding dan memberi tambah nilai estetik bahkan memberi satu tarikan baru di pekan bandar Batu Gajah. Tidak dinafikan bahawa penggunaan lukisan mural seperti ini mampu menjadi medium yang berkesan dalam menonjolkan semangat kekitaan masyarakat setempat. Bahkan, dengan adanya lukisan mural di bangunan-bangunan Majlis Daerah Batu Gajah ini juga dapat memberikan impak positif kepada kesihatan mental dan juga memberi manfaat terapeutik kepada pengunjung yang datang melihat. Oleh itu, penyebaran informasi melalui lukisan mural

ini harus terus dipertahankan oleh pihak berkepentingan agar masyarakat setempat dapat mengerti serta memahami makna dari setiap gambar yang dipaparkan pada setiap dinding lukisan mural.

**Sumber:** UiTM News Hub



**Rajah 8:** Sekitar majlis perasmian mural Batu Gajah bersama wakil UiTM Cawangan Perak dan Majlis daerah Batu Gajah.

Acara perasmian serah terima dilangsungkan pada 29 April 2022, diserahkan langsung oleh Rektor Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak, Prof. Ts. Sr. Dr. Md. Yusof Hamid berserta ketua projek lukisan mural Dr Azian Binti Tahir yang juga merupakan pensyarah kanan di Jabatan Seni Halus kepada wakil Majlis Dearah Batu Gajah. Acara perasmian ini turut dihadiri oleh warga setempat, kakitangan Majlis Daerah Batu Gajah, warga Jabatan Seni Halus termasuk pensyarah, pelajar dan juga alumni yang terlibat secara langsung dalam menjayakan lukisan mural. Dr Azian Tahir selaku ketua projek dalam program menghasilkan lukisan mural di Batu Gajah ini turut memberi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar dan juga Majlis Daerah Batu Gajah atas penganugerahan Geran Penyelidikan dan University Service Response (USR), 100-TNCPI/GOV16/6/2(017/2021) bagi melaksanakan projek ini.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Nazri Hashim (2000, April 20). Pembangunan Sungai Kinta. Retrieved from <http://matsejarah.blogspot.com/2016/12/membangunkan-sungai-kinta.html>
- Andrew J. Schneller, Alyssa Irizarry. (2014). Imaging Conservation: Sea Turtle Murals And Their Effect on Community Pro-environmental Attitudes In Baja California Sur, Mexico. *Ocean & Coastal Management*, 89 (2014), 100 -111.
- Bastian Heinsohn. (2015). *Critical Voices from the Underground : Street Art and Urban Transformation in Berlin*. Camden House, Rochester, New York.

- Hossein Meiboudi, Hasan Karimzadegan, Sayyid Mohammad Reza Khalilnejad. (2011). Enhancing Children's Environmental Awareness In Kindergarten Of Mashhad City Using Mural Painting. *Procedia – Social and Behavioural Sciences*, 28(2011), 1020 -1028.
- Jasbindar, F. A. (2019, Februari 01). Cerita Rakyat Asal Usul Nama Batu Gajah. Retrieved from Orang Perak: <https://www.orangperak.com/cerita-rakyat-asal-usul-nama-batu-gajah.html>
- Kadek Risna P. G., Ni Wayan A. U., Nyoman Geme E. P., Dewa Gede P. (2021). Mural Sebagai Media Eduksi Pelestarian Kebudayaan Daerah. *Jurnal Lentera Widya*, 1(2), 1-11.
- Muhammad Hazrin. (2020). Kempen Kesedaran Covid-19: Projek Mural Di Langkawi Geopark Discovery Centre. Seni Kini Malaysia Art Now. 29 (22).
- Muhammad Khazrul Shahruddin (2020). Kempen Kesedaran Covid-19: Projek Mural Di Langkawi Geopark Discovery Centre. Seni Kini Malaysia Art Now. 29 (18-19).
- Muhamed, S. H. (2017, Januari 07). Orang Perak . Retrieved from Asal Usul Batu Gajah, Perak: Retrieved from <https://www.orangperak.com/asal-usul-batu-gajah-perak.html>
- Musfiqah Tsany M., Aliem Bahri, Andi Syamsul Alam. (2022). Gaya Bahasa Mural Di Media Sosial Tagar Instagram pada Masa Pendamik Covid-19 Sebagai Bentuk Sindiran Kepada Pemerintah. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*. 2(2).
- Nor Hisham Bin Zulkifle. (2017). *Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah Di Perak 1874-1940*. Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah. (2021), Retrieved from <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/batu-gajah/sejarah>
- Portal rasmi majlis Daerah batu Gajah. (2022) Retrieved from <https://www.mdbg.gov.my/ms/mdbg/profil/latar-belakang>
- Ryan Sheehan Nababan. (2019). Karya Mural Medium Mengkritis Perkembangan Jaman (Studi Kasus Seni Mural Karya Young Surakarta). *Proceeding: International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*. 2(2), 24-30.
- Seyedehelham Sadatiseyedmahalleh, Suriayati Rahman, Aldrin Abdullah. (2015). Analyzing Street To Present The Heritage of George Town, Malaysia. *Proceeding: International Conference On Art, Design, Education, and Cultural Studies*.
- Thomas Malthus. (2008). *An Essay on the Principle of Population*. Oxford University Press.
- United Nation. (2016). 2016-2030, Sustainable Development Goals. Retrieved from <https://research.un.org/en/docs/dev/2016-2030>
- Wahiza Abdul Wahid (2011). *Sejarah Seni Lukis & Seni Reka – Satu Pengenalan*. Perpustakaan Negara Malaysia